



# KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

**BAHASA MELAYU**

**1103/1**

Kertas 1

2 jam

---

---

## JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

## Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Maklumat di bawah berkaitan dengan situasi perbelanjaan harian masyarakat kita.

Huraikan pendapat anda tentang **perbelanjaan berhemah** dalam kalangan masyarakat.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Perbelanjaan berhemah dapat mengelakkan kebocoran simpanan dan menjaga keseimbangan kewangan dalam situasi ekonomi yang mencabar. Menurut Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN), sebanyak 84 peratus rakyat negara ini didapati hanya membuat simpanan jangka pendek dan mengeluarkan semula simpanan pada hujung bulan.

Sepuluh daripada rakyat Malaysia tidak dapat menyimpan sebanyak RM1,000 untuk kegunaan ketika kecemasan disebabkan kurangnya pemahaman mengenai perancangan kewangan, manakala 76 peratus rakyat Malaysia mempunyai belanjawan, tetapi tidak semua benar-benar mematuhi belanjawan itu.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Belanja Behemah Elak Simpanan Bocor'  
<https://www.bernama.com/>



Sumber : [https://www.facebook.com/kpdnksh/posts/panduan-berbelanja-secara-berhemah-dengan-berbelanja-secara-berhemah-pengguna-da/1372141763128682/?locale=hi\\_IN](https://www.facebook.com/kpdnksh/posts/panduan-berbelanja-secara-berhemah-dengan-berbelanja-secara-berhemah-pengguna-da/1372141763128682/?locale=hi_IN)



Sumber : <https://ctoscredit.com.my/gedung-ilmu/membeli-kereta-baru/?lang=ms>

**Bahagian B**

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

- 1
- Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing menjelaskan bahawa aspek kebudayaan seperti tarian dan muzik dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama, selain menarik minat pelancong untuk datang ke negara Malaysia. Pihak kementerian yang turut berperanan memperkenalkan kebudayaan dan kesenian Malaysia akan memastikan inisiatif serta strategi berterusan bagi mempromosikan destinasi pelancongan, seni dan budaya yang menarik. Kepelbagaian kebudayaan turut menjadikan negara ini antara destinasi pelancongan antarabangsa popular.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Kebudayaan Pupuk Semangat Perpaduan Rakyat, Tarik Minat Pelancong ke Malaysia’  
<https://www.bharian.com.my/>

Petikan di atas menjelaskan kepentingan aspek kebudayaan di negara ini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang menyebabkan bidang berkaitan dengannya masih belum berkembang. Sokong pernyataan tersebut.

- 2
- Petrosains yang ditubuhkan oleh PETRONAS pada tahun 1999 merupakan sebuah pusat sains kontemporari yang mengetengahkan bahan pameran interaktif dan program saintifik yang menarik. Untuk mendekati orang ramai dan menyebarkan inti pati “Creating Wonder” di seluruh negara, Petrosains telah menubuhkan dan menjalankan pelbagai kegiatan luaran termasuk penubuhan pusat sains mini yang dinamai Petrosains PlaySmart di Kuantan, Pahang, Johor Bahru, Johor, dan Kota Kinabalu, Sabah. Selain itu, pameran bergerak, pertandingan sains peringkat kebangsaan, Festival Sains Petrosains, Cabaran Robotik Petrosains dan banyak lagi turut dijalankan.

*Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4  
Kementerian Pendidikan Malaysia/*

Banyak program yang telah dirancang oleh Petrosains untuk mendekati masyarakat termasuklah kanak-kanak dan murid-murid sekolah.

Huraikan manfaat-manfaat melawat Petrosains kepada diri anda.

[Lihat halaman sebelah

- 3 Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah, generasi muda perlu memainkan peranan yang penting sebagai bakal pemimpin berketerampilan dan dikagumi pada masa akan datang. Pelbagai aspek pembangunan rohani dan jasmani perlu diterapkan secara seimbang dan menyeluruh ke dalam diri. Titah baginda, hal demikian penting agar mereka memiliki kewibawaan falsafah hidup yang tinggi untuk mendepani cabaran mendatang. Baginda bertitah, proses membentuk jati diri generasi muda terutama dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah menengah harus mempunyai kesinambungan berterusan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Golong Muda Pelapis Pemimpin Masa Depan'  
oleh Mohd Hafiz Abd Mutalib  
<https://www.utusan.com.my/nasional/>

Berdasarkan petikan akhbar di atas, huraikan persediaan-persediaan generasi muda untuk menjadi seorang pemimpin yang berketerampilan dan dikagumi pada masa akan datang.

- 4 Legenda badminton negara, Datuk Lee Chong Wei berkongsi tentang keinginannya untuk berjaya yang mendorong beliau menjadi 'superstar' sukan badminton sehingga disenarai dalam Badminton Hall of Fame Persekutuan Badminton Dunia (BWF). Menurut Chong Wei, beliau sentiasa mahu menjadi pemain terbaik dunia kerana padanya, bergelar pemain nombor satu Malaysia masih belum memadai. Chong Wei mengakui cabaran daripada 'musuh tradisinya', Lin Dan menjadi pendorong kepada beliau untuk layak ke perlawanan akhir dalam setiap kejohanan kerana kedua-dua mereka sering kali cuba mengatasi satu sama lain dalam pertandingan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Chong Wei Kongsi Resipi Kejayaan'  
<https://www.bharian.com.my/sukan>

Datuk Lee Chong Wei merupakan seorang figura yang hebat dalam dunia sukan. Beliau boleh dijadikan contoh kepada generasi muda yang ingin menceburi bidang itu secara serius.

Selain daripada petikan di atas, berikan pendapat anda tentang ciri-ciri atlet profesional.

### KERTAS PEPRIKSAAN TAMAT



# KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

**BAHASA MELAYU**

**1103/2**

Kertas 2

2 jam 30 minit

---

---

## JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.***
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

[35 markah]

- 1 *Bacapetikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata hubung. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Usaha seorang lelaki yang melakukan kajian selama lima tahun membuahkan hasil apabila berjaya menanam lebih 30 pokok anggur. Pokok tersebut ditanam di kawasan rumahnya di Kampung Bukit Kemas, Kelulut, Marang, Terengganu. Mohd Salleh Angullia bin Isa atau nama penggilannya Salleh telah menanam 14 jenis pokok anggur sejak tahun 2015. Antaranya termasuklah Black Ozark, Summer Black, Everest, Isabella, dan White Malaga. Pokok-pokok itu berjaya ditanamnya tanpa belajar secara formal. Salleh hanya belajar dengan membaca atau menonton video dalam Internet. Namun demikian, pada peringkat awal, Salleh mengalami kegagalan kerana melakukan beberapa kesilapan seperti tidak membuat teduhan untuk melindungi pokok angguranya daripada ditimpa hujan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Bingkisan Anggur Pantai Timur'  
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat majmuk yang bergaris kepada ayat tunggal tanpa mengubah makud asalnya.*

Khazanah hutan yang ada di Kuala Sepetang, Perak ialah hutan paya bakau. Hutan ini berfungsi untuk mengawal hakisan pantai dan menjadi habitat beberapa hidupan akuatik. Kayu bakau dari hutan ini pula digunakan untuk menghasilkan arang. Pengusaha kilang arang kayu bakau tidak boleh sesuka hati menebang bakau untuk menjadikannya arang. Mereka perlu menebang pokok bakau mengikut kapasiti yang ditentukan oleh Jabatan Perhutanan Negeri. Proses untuk menghasilkan arang kayu bakau ini memerlukan kepakaran tenaga kerja yang mencabar.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Arang Kayu Bakau di Kuala Sepetang'  
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

- 3 Dalam petikan di bawah, terdapat **sebelas kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Minggu Perpaduan Malaysia bertema “Perpaduan Dalam Kepelbagaian” diumumkan selama satu minggu bermula 20 dan 28 Mei 2023. Perdana Menteri yang mempelopori kerajaan diharapkan semarak semangat rakyat pada negara ini melalui penyebaran ketahuan, kefahaman dan penghayatan berkaitan kepelbagaian budaya-budaya serta segmen kenegaraan dalam menerapkan semangat patriotisma kepada rakyat Malaysia. Sudah menjadi kelaziman dan budaya di Malaysia, sebarang sambutan perayaan, program atau majlis mempunyai temanya yang tersendiri. Dimeriahkan pula dengan persembahan yang perlu menepati tema, pakaian bertema malah seringkali juga ditawarkan hadiah lumayan bagi kategori menepati tema. Walaubagaimanapun, cukupkah sekadar itu untuk menggalakkan perpaduan masyarakat? Program berakhir, namun rutin harian kehidupan masih gagal menghayati dan memperaktiskan perpaduan secara harmoni. Oleh hal yang demikian, Yang di-Pertuan Agong turut menegaskan bahawa kesepaduan sosial, integrasi nasional dan perpaduan antara kaum adalah kunci untuk keharmonian, kemakmuran dan kesejahteraan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Perpaduan: Bukan Hanya Soal Perbezaan Untuk Disepadukan’  
<https://www.astroawani.com/>

[11 markah]

- 4 Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?”

Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, “Hai anakku, yang bapaku sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan **senaraikan** peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, berikan peribahasa lain yang **sama maksud** atau **hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.*

Sebelum berhijrah ke bandar raya, ibu sering berpesan kepada Zali supaya sentiasa berhati-hati kerana banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragamnya. Mana tidaknya, Zali merupakan anak sulung kepada Puan Mariam yang menjadi tulang belakang keluarga itu. Maka, hasrat pemuda yang ingin mencari rezeki itu semestinya perlu mendapat restu namun bagi ibunya, jika anakandanya itu menghadapi masalah segeralah pulang kerana setinggi-tinggi terbang bangau akhirnya hinggap di belakang kerbau juga. Walau bagaimanapun, ibunya tetap berdoa agar Zali tidak lupa akan jasa ibu yang selama ini membesarkannya seperti kata peribahasa sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi. Dalam keadaan pasrah, Puan Mariam melepaskan anak yang dijaganya selama 25 tahun itu sendirian selepas suaminya meninggal dunia.

[6 markah]

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

Sebanyak RM193.6 juta kerugian dicatatkan sepanjang tempoh dua tahun melibatkan sektor pertanian, perikanan serta penternakan akibat bencana banjir yang melanda negara. Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, daripada jumlah tersebut sektor pertanian, perikanan dan penternakan mengalami kerugian lebih RM90 juta kerana bencana banjir pada akhir 2021.

Kerugian tersebut membabitkan 7,578 orang pengusaha industri agromakanan di seluruh negara. Manakala kejadian banjir pada hujung 2022 akibat monsun timur laut pula telah menjejaskan seramai 8,166 golongan sasar melibatkan 13,244 hektar kawasan pertanian dengan anggaran nilai kerosakan sebanyak RM48.6 juta. Pada masa yang sama, seramai 871 orang penternak akuakultur dan 81 pengusaha produk perikanan di seluruh negara telah mengalami kerugian berjumlah RM55 juta.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Sektor Pertanian, Perikanan, Penternakan Rugi RM193.6 Juta  
Akibat Banjir Sejak Dua Tahun Lalu'

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sector-pertanian-perikanan-penternakan-rugi-rm1936-juta-akibat-banjir-sejak-dua-tahun-lalu-423777>

**Bahan 2**

Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pengeluaran hasil akuakultur di Malaysia meningkat 3.5 kali ganda berbanding 2000 hingga 2010. Bagaimanapun, kesan pencemaran alam sekitar seperti sisa akuakultur, termasuk sisa makanan yang tidak digunakan termasuk najis ternakan dilepaskan ke alam sekitar menunjukkan *trend membimbangkan* sektor berkenaan.

Dianggarkan 100 hingga 200 kilogram (kg) nitrogen dan 10 hingga 15 kilogram fosforus menyumbang kepada sekurang-kurangnya 30 peratus sisa air kolam setiap tahun. Pada abad ke-21 ini, sektor pertanian perlu mendepani pelbagai cabaran dengan matlamat untuk menjamin bekalan makanan mencukupi secara mampan kepada penduduk dunia. Maka, revolusi hijau perlu beralih ke arah pertanian pintar iklim.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Pertanian, Penternakan Pintar Pemangkin Hasil Lumayan, Lestari'

<https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/08/985147/pertanian-penternakan-pintar-pemangkin-hasil-lumayan-lestari>

[Lihat halaman sebelah

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *trend membimbangkan*. [2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan masalah-masalah yang berlaku dalam sektor pertanian, perikanan dan penternakan. [3 markah]

- (iii) 

|  |
|--|
| Pencemaran alam yang melibatkan udara, air dan bunyi banyak memberi kesan kepada masyarakat serta negara kita. |
|--|

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan negatif sekiranya pencemaran tersebut tidak ditangani dengan segera? [3 markah]

- (iv) Ketika anda sedang berjalan di sebatang sungai berhampiran kawasan kediaman, anda melihat sekumpulan pekerja dari kawasan perindustrian sedang membuang sisa toksik tanpa mematuhi prosedur yang sepatutnya.

Sebagai penduduk yang bertanggungjawab, apakah peranan anda ketika itu? [4 markah]

- 7 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

**Aku Membaca Lagi**

Aku mendongak langit  
membaca garis dan titik  
menaakuli kebesaran-Mu  
di bawah gumpalan mega  
hembusan bayu dan banjaran gunung.

Kuselusuri alam  
kicauan burung  
desiran ombak dan wajah pelangi  
mewarnai kehidupan umat-Mu.

Aku mendongak lagi  
membaca langit  
di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh  
dahan dan ranting terkulai  
daun-daun berguguran  
helai demi helai  
di lantai tanah airku yang makmur.

Aku membaca langit  
kutemui  
bulan dan bintang menangis  
meratapi luka nasib bangsa.

Aku mendongak lagi  
menitis air mata langit  
membasahi bahasa Melayuku  
yang berdarah.

Dipetik daripada sajak 'Aku Membaca Lagi'  
oleh Razali Mohd Yussof  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**Bahan 2**

“Mel, agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang! Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebati bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknat Allah.”

Pesan bonda itu kekal melebat dalam hati sanubari saya. Pesan mulus yang terpahat lama di pangkal hati. Oleh itu, saya tangguhkan berkali-kali hasrat itu. Hasrat untuk menjengah wajah kota yang pesat dengan kemajuan dan peradaban. Saya batalkan keinginan meruap-ruap dalam diri saya untuk mencari pengalaman baharu sebagai warga kota.

Dipetik daripada cerpen 'Munsiy'  
karya Husna Nazira  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud bagi perenggan ketiga dalam sajak tersebut. [2 *markah*]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan alasan seseorang itu perlu memartabatkan kedudukan bahasa Melayu. [3 *markah*]
- (iii) Usaha memperkasakan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat oleh pihak kerajaan merupakan inisiatif yang baik.

Pada pendapat anda, apakah peranan pelbagai pihak untuk memastikan hasrat kerajaan itu dapat dilaksanakan? [4 *markah*]

- (iv) Sewaktu dalam perjalanan pulang ke kampung halaman, anda melihat kebanyakan papan tanda di lebuh raya menggunakan bahasa rojak. Walaupun tujuannya adalah untuk mengiklankan sesuatu produk, perkara itu tidak boleh dibiarkan.

Sebagai masyarakat yang bertanggungjawab, apakah usaha anda untuk memastikan masalah tersebut tidak berterusan? [4 *markah*]

8 *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Aku terhidu bau tembakau yang keras pada nafas datuk, bercampur bau kopi. Ibu pernah memberitahu, jika kita mencampurkan kafein dan rokok, maka penyakit seperti kemurungan, tekanan darah tinggi, kekeliruan mental, osteoporosis, kanser, dan kardiovaskular akan memendekkan jangka hayat manusia. Orang seperti ini mungkin hanya akan hidup tidak lebih daripada lima puluh tahun atau lebih singkat, tetapi datuk masih hidup selepas enam puluh tahun, aneh sekali.

Kini datuk bercerita tentang bagaimana menyembuhkan penyakit secara tradisional. Memang dalam soal ini datuk boleh disebut pakar, macam doktor. Dia jenis manusia yang bijak memanfaatkan bahan sedia ada atau bahan percuma menjadi bahan kegunaan untuk kesihatan dan kecantikan. Misalnya hampas kopi dijadikan losen tangan. Hampas teh untuk menyegarkan mata. Ubi kayu bagi menghilangkan buasir. Lobak pula bagi melancarkan air kencing dan mengurangkan sakit kepala. Biji mangga dijadikan tepung untuk masakan.

Dipetik daripada novel *Jendela Menghadap Jalan*  
oleh Ruhaini Matdarin,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan novel di atas, apakah anggapan ibu tentang seseorang yang menggemari kafein dan rokok?

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*
- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
  - (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
  - (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
  - (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
  - (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
  - (f) Tirani karya Beb Sabariah
  - (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
  - (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah novel** yang anda pelajari, jelaskan peristiwa-peristiwa yang boleh menjadi contoh kepada pembaca.

[6 markah]

**BAHAGIAN C: RUMUSAN**

[30 markah]

- 9 *Baca petikan dan teliti bahan grafik yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan grafik.*

**Bahan 1**

Tinggal di asrama bukan lagi perkara baharu bagi pelajar di negara kita. Sebaliknya, belajar di sekolah berasrama lebih banyak membawa kebaikan kepada pelajar. Kebanyakan ibu bapa akan berusaha sedaya upaya untuk menempatkan anak-anak mereka di sekolah berasrama. Biasanya, waktu belajar yang telah diatur oleh pihak sekolah berasrama lebih padat berbanding sekolah harian. Inilah satu keunikan kehidupan sekolah berasrama penuh jika dibandingkan dengan pelajar di sekolah harian biasa. Tidak hairanlah jika ibu bapa inginkan anak mereka bersekolah di sekolah berkenaan agar mereka dapat lebih fokus dalam pelajaran.

Pembentukan disiplin yang tinggi dalam kalangan murid merupakan salah satu kebaikan tinggal di asrama. Pada kebiasaannya, setiap asrama mempunyai peraturan tersendiri yang wajib dipatuhi oleh setiap murid. Semua ini adalah untuk melatih murid untuk menjadi pewaris bangsa yang bakal menerajui negara. Sementara itu, suasana pembelajaran di asrama juga lebih baik dan teratur. Di asrama, mereka dikelilingi oleh rakan seperjuangan yang rajin dan berdisiplin. Persaingan yang sihat antara murid itu juga boleh wujud. Semangat untuk belajar akan bertambah dan mereka akan berlumba-lumba untuk meraih kejayaan yang terbaik. Bukan itu sahaja, terdapat juga pelbagai kemudahan riadah. Murid-murid boleh bermain pada waktu lapang ataupun setelah penat mengulang kaji pelajaran.

Walau bagaimanapun, baru-baru ini media melaporkan murid berusia 13 hingga 15 tahun masih belum sesuai untuk ditempatkan di sekolah berasrama kerana mereka masih mentah dan belum bersedia dari segi psikologi untuk berhadapan cabaran hidup. Remaja pada ‘usia emas’ dikatakan dalam tempoh mengalami perubahan fizikal, emosi dan psikologi. Pakar pendidikan awal anak-anak, Profesor Dr. Bustam Kamri berkata, pada usia itu remaja memerlukan bimbingan ibu bapa dalam membentuk serta memantapkan acuan diri. Kebanyakan mereka masih tercari-cari dan belum mengenal identiti diri sekali gus tidak dapat membuat keputusan terbaik. Sekiranya tinggal berjauhan daripada ibu bapa dan bimbingan keluarga, mereka lebih cenderung mendengar nasihat serta mempercayai rakan berbanding ibu bapa.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Pelajar ‘Usia Emas’  
Belum Sesuai ke Sekolah Berasrama Penuh’  
oleh Farah Marshita Abdul Patah  
<https://bharian.com.my>

## Bahan 2

## TIP MENGENDALI STRES ANAK DI SEKOLAH



- Mewujudkan keadaan sekolah yang selamat dan sihat
- Membentuk ciri “Sekolah Penyayang” dalam kalangan guru dan murid
- Memberikan kebebasan murid mengekspresikan bakat menerusi pelbagai aktiviti
- Menyediakan prasarana lengkap untuk aktiviti kokurikulum
- Menyediakan bantuan kaunseling kepada semua warga sekolah

## KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



**KERTAS MODEL**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025**  
**BAHASA MELAYU**

**1103/3****Kertas 3**

Masa : Individu : 3 – 5 minit

Kumpulan : 12 – 15 minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian, Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A perlu dijawab secara **individu** dan Bahagian B dijawab secara perbincangan dalam kumpulan yang merangkumi 3–5 orang calon.*
3. *Masa yang diperuntukkan untuk menjawab Bahagian A ialah 3 hingga 5 minit, manakala masa yang diperuntukkan untuk menjawab Bahagian B ialah 12 hingga 15 minit.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

**Bahagian A : Taksiran Individu**

[40 markah]

[Masa : 3 hingga 5 minit]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**TEMA : INTEGRITI****TIP SEBAGAI PENGGUNA YANG BIJAK**

Sumber : [https://twitter.com/KPDN\\_HQ/status/890814074455375873](https://twitter.com/KPDN_HQ/status/890814074455375873)



KUALALUMPUR: Lebih 20,000 pengunjung memeriahkan Hari Pengguna Kebangsaan (HPK) 2023 anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang berlangsung di Piazza Pavilion, Bukit Jalil. Pengarah Bahagian Gerakan Kepenggunaan KPDN, Adiratno Che Ani, berkata jumlah pengunjung itu melebihi sasaran yang ditetapkan oleh pihaknya iaitu sekitar 10,000 hingga 15,000 orang pada program bertemakan “Pengguna Berdaya, Negara Rahmah Sejahtera”. Beliau berkata, penganjuran program berkenaan adalah selaras komitmen dan usaha KPDN untuk menjadikan setiap rakyat sebagai individu yang tahu hak sebagai pengguna serta berani bertindak untuk hak mereka mengikut peruntukan undang-undang dan peraturan sedia ada. Tujuan mengadakan HPK 2023 ini bukan sahaja untuk meraikan pengguna tetapi untuk mengingatkan mereka tentang hak yang perlu dipertahankan. Pada program ini, kita memberi maklumat kepada pengguna cara membuat aduan sekiranya ditipu dan sebagainya. Kita mahu supaya setiap pengguna mempunyai keupayaan dan bersedia untuk mempertahankan dan memperjuangkan hak mereka. Adiratno berkata, menerusi program itu juga, pihaknya turut menumpukan kempen ke arah mengelakkan pengguna daripada menjadi mangsa penipuan oleh pihak tidak bertanggungjawab seperti penipuan umrah. Selain itu, beliau berkata, pelbagai aktiviti turut diadakan pada HPK 2023, antaranya pertandingan e-sukan, mewarna, fesyen kepenggunaan, Cabaran Troli Pengguna dan *Consumer Got Talent*.

Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Lebih 20,000 pengunjung meriahkan Hari Pengguna Kebangsaan 2023’  
Berita Harian Online

**Bahagian B : Taksiran Kumpulan**

[30 markah]

[Masa : 12 hingga 15 minit]

*Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan mengenai bahan rangsangan tersebut.*

**TEMA : INTEGRITI****CIRI-CIRI PEKERJA BERKUALITI**

Pekerja yang berkualiti adalah aset utama dalam sesebuah pengurusan organisasi. Kualiti kerja sememangnya amat dititikberatkan dalam sesuatu pekerjaan yang dilaksanakan kerana tanpanya akan pincanglah fungsi, kemandirian dan kelangsungan organisasi itu. Kualiti kerja adalah cara sesuatu kerja itu dilaksanakan dan output daripadanya sama ada berjaya memenuhi jangkaan yang diperlukan atau sebaliknya.

Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri pekerja berkualiti yang menjadi dambaan setiap majikan.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**



**KERTAS MODEL**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025**  
**BAHASA MELAYU**

**1103/4**

**Kertas 4**

30 minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat petikan.*
2. *Anda dikehendaki menjawab semua soalan yang diberikan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

**UJIAN MENDENGAR**

[30 markah]



**PETIKAN PERTAMA : PETIKAN UMUM**

[6 markah]

**Arahan :**

*Dengar petikan umum ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.*

1. *Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.*
2. *Petikan umum akan dibaca sekali lagi.*
3. *Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).*
4. *Dengar maklumat berikut dengan teliti.*

**Petikan yang sama diperdengarkan.**

*Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.*

*Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan umum yang diperdengarkan.*

- 1 Berdasarkan petikan tersebut, lengkapkan maklumat dalam rajah yang diberikan?

|                                 |                 |
|---------------------------------|-----------------|
| <b>Nama penuh</b>               |                 |
| <b>Tarikh lahir</b>             |                 |
| <b>Tempat lahir</b>             | Kuantan, Pahang |
| <b>Memakai jersey bernombor</b> |                 |

[2 markah]

- 2 Pada tahun bilakah Arif Aiman mula menyertai Kelab Bola Sepak Pasukan Johor Darul Takzim?

[1 markah]

---



---

- 3 Arif Aiman memulakan kelab seniornya dengan Johor Darul Takzim selepas bermain untuk kelab remaja itu beberapa tahun lalu sehingga pada 2021, beliau dinobatkan sebagai \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.

[2 markah]

*Bulatkan jawapan yang betul bagi Soalan 4.*

- 4 Pernyataan di bawah adalah benar tentang Arif Aiman, **KECUALI**
- A Arif Aiman meneruskan kerjayanya dalam arena bola sepak dengan pasukan JDT dari tahun 2018 sehingga kini.
  - B pada peringkat Antarabangsa, Arif membuat penampilan pertamanya untuk Malaysia dalam perlawanan persahabatan tidak rasmi menentang Kuwait.
  - C Arif Aiman telah dicungkil bakatnya semasa program Mykids pada 2011 hingga 2012, dan kemudiannya beliau menyertai skuad yang memenangi IberCup Costa Del Sol pada 2016.
  - D permulaan musim 2023, Arif Aiman telah berjaya membawa kemenangan buat Kelab Johor Darul Takzim (JDT) apabila berjaya menjaringkan gol kemenangan buat kelab JDT dalam aksi perlawanan persahabatan kelab bola sepak antarabangsa menewaskan kelab bola sepak Rusia Lokomotive Moscow FC.

[1 markah]

**PETIKAN KEDUA : PETIKAN UMUM**

[8 markah]

**Arahan :**

Dengar petikan umum ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.


1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan umum akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.

**Petikan yang sama diperdengarkan.**

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan umum yang diperdengarkan.

- 1 Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) yang ke-40 telah diadakan pada \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 [1 markah]
- 2 Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang diadakan di Pusat Dagangan Kuala Lumpur ini telah dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 [1 markah]
- 3 Sepanjang Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang berlangsung selama sepuluh hari ini, pihak penganjur telah mengadakan pelbagai aktiviti antaranya ialah



[2 markah]

- 4 Lengkapkan rajah di bawah berdasarkan bengkel yang telah disediakan dan pembimbingnya sepanjang Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.

| Nama Bengkel            | Pembimbing                 |
|-------------------------|----------------------------|
| Bengkel Terjemahan Buku | Dr Hasuria Che Omar        |
|                         | Profesor Dr. Roosfa Hashim |
|                         | Puan Alimie Liman          |

[2 markah]

- 5 Pihak penganjur telah menyediakan ruang mandiri. Ruang mandiri ialah ruang untuk penulis persendirian yang membuat \_\_\_\_\_

[2 markah]

**PETIKAN KETIGA : PETIKAN SAJAK**

[8 markah]

**Arahan :**

Dengar Sajak *Aku Membaca Lagi* ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Sajak akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.

**Petikan yang sama diperdengarkan.**

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan sajak yang diperdengarkan.

- 1 Nyatakan perasaan penyajak dalam rangkap pertama sajak. [2 markah]

bulan dan bintang menangis  
meratapi luka nasib bangsa.

- 2 Nyatakan gaya bahasa yang bersesuaian dengan pernyataan di atas. [2 markah]

- 3 Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (x) bagi pernyataan yang salah.

|       |   |  |
|-------|---|--|
| (i)   | Penyajak menghayati keindahan alam yang diciptakan oleh Tuhan yang digambarkan melalui awan yang bergumpal, angin yang berhembus dan banjaran gunung. |  |
| (ii)  | Para pejuang bahasa yang cinta akan bahasa Melayu berasa sedih melihat nasib bahasa Melayu yang tidak dimartabatkan.                                  |  |
| (iii) | Penyajak mendapati bahawa semakin lama masyarakat mendaulatkan bahasa Melayu walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan.                      |  |

[2 markah]

- 4
- Aku mendongak lagi  
menitis air mata langit  
membasahi bahasa Melayuku  
yang berdarah.

Apakah mesej yang hendak disampaikan oleh penyajak berdasarkan rangkap terakhir sajak *Aku Membaca Lagi*. [2 markah]

**PETIKAN KEEMPAT : PETIKAN CERPEN**

[8 markah]

**Arahan :**

Dengar petikan cerpen ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan cerpen ini akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.

**Petikan yang sama diperdengarkan.**

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan cerpen yang diperdengarkan.

- 1 Mengapakah Solehah memerlukan darah?

[1 markah]

---

---

- 2 Berdasarkan petikan, lengkapkan rajah di bawah berkaitan dengan perwatakan Doktor Murni.

**Doktor Murni**

[2 markah]

- 3 Nyatakan alasan Tuan Besar Musa perlu diselamatkan. [2 markah]

---

---

---

*Bulatkan jawapan yang betul bagi Soalan 4.*

- 4 Pernyataan di bawah adalah benar tentang petikan **KECUALI**
- A si kecil, bayi buangan yang hampir kekeringan darah. Gadis malang yang dibelasah hingga tinggal nyawa-nyawa ikan dan mahasiswa leukimia yang semakin cair sel darah merah ditubuhnya.
  - B Al-Hafiz masih terlantar, tulang selangkanya patah riuk, diheret kereta sejauh dua meter di tar keras.
  - C Profesor Doktor Juaidi menyampaikan berita tentang bank darah yang kontang dan meminta untuk mendapatkan darah dari hospital lain.
  - D Tuan Besar Musa seorang tokoh korporat, teknokrat yang banyak menyumbangkan dana kepada kelab elit.

[1 markah]

- 5 Nilai yang boleh dikaitkan dengan watak Nusia dalam petikan cerpen ini ialah \_\_\_\_\_

---

---

[2 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**